

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATIN SERI ROBA'AISHAH BINTI MOHD GHAZALI  
PENGURUSI PUSPANITA CAWANGAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG  
TAHUNAN PERWAKILAN PERSIAP KALI KE-30**

**BERTEMPAT  
DEWAN KERIS LAKSAMANA  
PENJARA SUNGAI UDANG, MELAKA**

**20 APRIL 2019 (SABTU)**

**Bismillahirrahmannirahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia, Datin Sri Hajah Noraini binti Hj Man,

Yang Dipertua PERSIAP,

YBhg. Datin Hajah Shakimah binti Abdullah

Naib Yang Dipertua 1 PERSIAP

YBhg. Datin Zalifah binti Haji Sho'oib

Naib Yang Dipertua II PERSIAP

YBhg. Datin Normalizah binti Mohd Sapari

Pengerusi PERSIAP Cawangan Pejabat Pengarah Penjara Negeri Melaka  
selaku Pengelola Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan  
PERSIAP Kali Ke-30

Pengarah-Pengarah Negeri dan Pengarah-Pengarah Institusi Penjara  
Negeri Sembilan dan Melaka

Ahli Jawatankuasa Majlis Tertinggi PERSIAP,

Para Perwakilan, Ahli-ahli Bersekutu PERSIAP,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya kita dapat hadir bersama-sama di majlis pada hari ini. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada PERSIAP Malaysia kerana menjemput dan memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan PERSIAP Kali Ke-30 yang diadakan di Penjara Sungai Udang, Bandaraya Bersejarah Melaka.

2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas kehadiran semua ahli PERSIAP, khususnya para perwakilan yang mewakili cawangan-cawangan PERSIAP di seluruh Malaysia yang hadir pada dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan PERSIAP kali ini.

3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Pengarah-pengarah Negeri dan Pengarah-Pengarah Institusi Penjara yang hadir sebagai tanda sokongan kepada isteri serta kakitangan wanita di tempat tugas masing-masing demi mengukir kecemerlangan PERSIAP. Sesungguhnya, kehadiran para Pengarah semua jelas memperlihatkan keprihatinan tuan-tuan dan puan-puan yang tidak hanya menitikberatkan kepentingan tugas di pejabat, malah turut menyokong aspek intelektual, fizikal mahupun spiritual melalui aktiviti berpersatuan para isteri dan kakitangan wanita di institusi penjara tuan/puan. Sokongan padu ini pastinya amat bermakna kepada semua warga PERSIAP dan amat dihargai oleh mereka semua.

4. Saya selaku Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Dalam Negeri, merasa bertuah dan terharu kerana berpeluang untuk mendekati PERSIAP. Ini adalah kerana Jabatan Penjara Malaysia merupakan salah satu Cawangan Kecil Kementerian Dalam Negeri dan juga memegang jawatan sebagai Biro Sukan & Lestari PUSPANITA KDN.

5. Saya difahamkan bahawa berdasarkan kepada Perlembagaan PERSIAP, semua institusi penjara dalam negeri Selangor juga merupakan

ahli PUSPANITA Cawangan Kecil Kementerian Dalam Negeri. Oleh yang demikian, program-program yang dianjurkan oleh PUSPANITA KDN akan turut dijayakan oleh ahli-ahli PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Penjara Malaysia dan dalam masa yang sama juga adalah merupakan ahli-ahli PERSIAP. Gabungan ini secara tidak langsung telah mengukuhkan ukhwah dan silaturrahim antara PERSIAP dan PUSPANITA KDN.

6. Terlebih dahulu **Tahniah** diucapkan kepada PERSIAP di atas kejayaan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program, bukan sahaja di peringkat Induk tetapi juga di peringkat cawangan yang menekankan aspek kebajikan, peningkatan ilmu, riadah dan juga lawatan sambil belajar. Usaha ini ternyata banyak memberi impak positif kepada para ahli yang meliputi pelbagai peringkat usia, dari peringkat yang masih berada di bangku sekolah hinggalah yang telah bersara.

7. PERSIAP turut memainkan peranan membantu para suami selaku Pengarah-Pengarah Negeri dan Institusi Penjara, terutamanya dalam hal-hal kebajikan kakitangan. PERSIAP sama ada di peringkat Induk atau cawangan telah melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin dengan mengadakan lawatan kebajikan dari semasa ke semasa untuk

melihat dengan lebih dekat perihal kakitangan, ahli-ahli atau anak-anak terutamanya yang sakit kronik dan kurang upaya. Saya yakin bahawa usaha-usaha ini akan terus diberikan perhatian dan keutamaan demi memperkasakan peranan dan keberadaan PERSIAP menyaingi persatuan-persatuan yang lain.

8. Saya berharap bagi tahun 2019 ini, PERSIAP akan terus menjalankan pelbagai aktiviti yang lebih mantap serta memberi manfaat kepada semua pihak bukan sekadar kepada ahli tetapi merangkumi yang bukan ahli, termasuk kepada kalangan masyarakat secara amnya.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

9. Dengan persekitaran dunia semasa yang sentiasa berubah-ubah, saya ingin sarankan agar semua ahli sentiasa berusaha mempertingkatkan ilmu dan keupayaan diri. Segala hasrat, perancangan dan aktiviti PERSIAP juga mesti berdaya saing dan bercitrakan kreativiti dan inovasi. Harapan saya agar PERSIAP akan terus memberikan kerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri dalam menjayakan usaha-usaha kerajaan memperkasakan peranan wanita.

Jadikanlah objektif untuk mencapai status negara maju yang didukung oleh wanita yang berkaliber, berdaya saing dan berkeperibadian mulia.

10. Sesungguhnya Jabatan Penjara amat menitik beratkan penglibatan semua ahli dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh PERSIAP. Saya percaya, aktiviti-aktiviti PERSIAP secara langsung atau tidak langsung mampu meningkatkan imej jabatan dengan adanya sokongan padu yang diterima dari semua pegawai di peringkat pengurusan tertinggi jabatan dalam menjayakan program-program yang dirancang pada masa akan datang. Tanpa kesepakatan dan usaha keras semua pihak, tidak mungkin PERSIAP dapat bergerak sebagai sebuah persatuan yang sihat dan matang.

11. Pada “Sambutan Hari Penjara Ke-229” yang diadakan di Maktab Penjara Malaysia pada 20 Mac 2019 yang lalu, saya turut berbangga apabila melihat dua orang ahli PERSIAP telah menerima Anugerah Johan Bakti Setia oleh Menteri Dalam Negeri dan lima orang lagi telah dianugerahkan Sijil Penghargaan oleh Jabatan Penjara atas sumbangan dan komitmen yang diberikan dalam memperkasakan PERSIAP. Tahniah saya ucapkan kepada mereka yang terlibat dan semoga penganugerahan

dan pengiktirafan ini dapat menjadi suntikan motivasi kepada semua yang terlibat untuk terus memperkasakan lagi PERSIAP di mata masyarakat.

12. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada YBhg. Datin Sri Hajah Noraini binti Haji Man, Yang Dipertua PERSIAP dan seluruh jawatankuasanya, serta ahli-ahli PERSIAP atas kerjasama yang diberikan dalam menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan PERSIAP Kali Ke-30 ini. Semoga semangat kekitaan dan talian persahabatan yang terjalin dalam PERSIAP sentiasa diteruskan dan turut dizahirkan semasa melaksanakan tugas-tugas harian kita, sebagaimana pantun ini;

**Suburnya sayur di tapak semaian  
Syukur petani senyum ceria  
Lembut tangan menghayun buaian  
Punya kuasa menggoncang dunia**

**Sarang burung dicari di gua  
Ternampak pula anak beruang  
Kepada ahli PERSIAP semua  
Saya ucapkan Selamat Bersidang.**



**13. DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,  
SUKACITANYA SAYA MENYEMPURNAKAN PERASMIAN  
“MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERWAKILAN PERSIAP KALI KE-  
30.”**

**Sekian, terima kasih**

**Wabillahitaufikwalhidayah**

**Wassalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh**